

# Keputusan ubah kehidupan

Tukang jahit hantar 10 anak ke universiti guna wang perniagaan Tupperware Brands

FOTO | Supiwan Ahmad



>>Oleh Rosmaliana Aida Mohd Adnan  
rosmaliana@hmetro.com.my

**M**ENYARA keluarga menggunakan hasil pendapatan daripada tempahan jahitan baju secara kecil-kecilan antara kenangan yang sukar dilupakan Siti Rohani Abd Manaf, 54. Setiap tempahan yang diperoleh dipastikan mengikut kehendak dan kemahuan pelanggan yang mempercayai pada kebolehanannya. Ketika itu, dia menjadi terlalu fokus pada perniagaannya hingga menyebabkan anak-anak sedikit terabai kerana terlalu sibuk menyiapkan tempahan pelanggan. Malah, ada kalanya anak-anak sendiri tidak dapat memakai baju baru untuk menyambut kedatangan Aidilfitri kerana tempahan yang diperoleh melebihi batas kemampuan untuk menyiapkannya sendirian. "Setiap kali hari raya saya tidak mampu membuat pakaian baru buat anak-anak kerana terlalu sibuk menyiapkan tempahan pelanggan yang terlampau banyak. "Bukan kerana tidak prihatin pada mereka, tapi apa yang saya lakukan ketika itu hanyalah untuk mencari duit

lebih agar kehidupan kami anak beranak lebih terjamin," katanya. Ketika itu, Siti Rohani hanya mampu melihat dan menasihatkan anak-anaknya supaya bersabar kerana apa yang dilakukannya untuk kesenangan mereka jua. "Bagaimanapun, saya cukup bersyukur kerana anak memahami kepayahan kerja saya itu, tapi jauh di sudut hati tetap tidak dapat menyembunyikan kesedihan kerana terpaksa mengengapikan keinginan anak hanya untuk memberi kepuasan kepada pelanggan. "Tidak pernah sekalipun anak-anak merungut dengan keadaan mereka dan ia sedikit sebanyak membuatkan saya lega," katanya ketika ditemui, baru-baru ini. Bagaimanapun, kehidupan keluarganya mula berubah pada 1995 apabila dia memutuskan untuk memasuki bidang jualan langsung Tupperware Brands. Keputusan itu diambil selepas menimbangkan kebaikan dan keburukan dalam menjalankan aktiviti perniagaan sebegini. "Ternyata, ia tidak sia-sia kerana semua 10 anak saya berjaya melanjutkan pelajaran di universiti sumber daripada jualan Tupperware Brands.

"Apa yang penting adalah sematkan tekad untuk terus berjaya walau sebanyak mana halangan ataupun cabaran menanti tanpa perlu menoleh ke belakang," katanya. Di awal pembabitannya, dia pernah dipandang rendah dan dicera kerana ramai pihak tidak begitu menyenangi kerjayanya dalam aktiviti jualan langsung. Dia tidak pernah mengambil kisah ataupun tersentuh dengan pandangan yang diberikan kerana apa yang penting dia tahu apa yang dilakukan adalah untuk mengubah cara hidupnya sekeluarga. "Mereka sanggup mengata dan menuduh perkara yang bukan-bukan kerana tidak mengetahui masalah yang kita hadapi demi mencari sesuatu nasi. "Saya tidak pernah mengalah sebaliknya terus berusaha memperkenalkan barangan Tupperware Brands kepada mereka. Temyata kebanyakan pihak yang memberikan pandangan negatif itu akhirnya menjadi pelanggan setia kepada jenama ini," katanya. Kini, selepas bertungkus-lumus memerah tenaga selama 15 tahun dalam bidang jualan langsung Tupperware Brands, Siti Rohani berjaya membuktikan tiada perkara yang mustahil untuk dicapai sekiranya melakukannya dengan ikhlas dan bersungguhsungguh. Menurutnya, walaupun jualan secara langsung amat memenatkan terutama kerana perlu bertemu pelanggan bagi memberikan penerangan mengenai produk sendiri, ia tidak pernah menjadi halangan. "Saya cukup seronok melakukannya kerana berpeluang bertemu dengan pelbagai ragam manusia sungguhpun



**BERJAYA...**Siti Rohani (Inspira04) berjaya membuktikan tanpa usaha gigih, sudah pasti tiada kejayaan akan menyusul.



**“**Apa yang penting adalah sematkan tekad untuk terus berjaya walau sebanyak mana halangan ataupun cabaran menanti tanpa perlu menoleh ke belakang”

>>Siti Rohani (INSPIRA04) Pengedar Tupperware

ada kalanya ia memeritkan tapi ia memang satu pengalaman menyeronokkan. "Kita dapat melihat dan menghitung sendiri jumlah produk yang terjual hasil usaha kita tanpa perlu mengharap orang lain untuk melakukannya," katanya. Malah, jika sebelum ini dia hanya mampu memandang jiran, rakan dan saudara melancong ke luar negara, tetapi kini dia turut sama berpeluang ke sana tanpa perlu mengharap sumber kewangan daripada orang lain. Katanya, keadaan pada ketika itu amat sukar kerana keinginan paling kecil dalam hati tidak

mampu ditunaikan terutama apabila memikirkan anak-anak yang hanya mampu memandang orang lain bergembira. Oleh itu, katanya, dia membulatkan tekad untuk terus mencuba agar satu hari nanti dia juga mampu membawa keluarganya ke luar negara hasil usahanya sendiri. "Malah, saya cukup bertuah kerana sumber pendapatan

yang diperoleh melalui jualan Tupperware Brands memberi peluang untuk melancong ke tempat yang sebelum ini tidak pernah dapat dikunjungi. "Jika sebelum ini saya perlu menantikan untuk memiliki sumber kewangan yang cukup terlebih dulu sebelum boleh ke sana, tetapi kini dengan perolehan pendapatan sendiri, saya hanya bawa diri dan keluarga saja," katanya.

Jika anda memiliki kisah benar yang mampu menjadi dorongan bagi wanita sama ada kisah peribadi atau teman, e-mel kami di [myinspira@tupperware.com](mailto:myinspira@tupperware.com) untuk memenangi Anugerah Wanita Inspira Tupperware Brands (Bahagian Pembaca) dan juga lawatan ke Korea Selatan.

Jika kisah ini mejadi inspirasi bagi anda, sila undi dan menang hadiah sumbangan Tupperware Brands berjumlah RM50,000. Hadiah minggu ini ialah **Commuter Mug x 2** (gambar di bawah) bernilai RM98



Sila taip  
**<tupperware><jarak><anugerah><jarak>**  
**<inspira04><jarak><nama anda><jarak><negeri anda>** hantar sms ke **32300**.  
 Cth: tupperware anugerah inspira04 Anita Sofia Selangor.  
 RM0.60 akan dikenakan untuk setiap SMS. Kadar caj biasa telco dikenakan.

**Tingkatkan taraf hidup anda dengan** **Tupperware Brands**

Memperkayakan • Mendidik • Mencerikan

Sertailah ribuan wanita Malaysia dan lebih 2 juta di serata dunia yang telah berjaya bersama Tupperware Brands.  
 Tel: 1 800 88 3456  
[www.tupperwarebrands.com.my](http://www.tupperwarebrands.com.my)

Tupperware naturcare BEAUTICONTROL TUPPERCHEF Tupper Clean